

# Penduduk lega dapat lanjutan tempoh pendudukan 60 tahun

**SEKINCHAN** - Seramai 53 penduduk di Site C Sekinchan boleh menarik nafas lega selepas masing-masing menerima borang 5A apabila kawasan perumahan yang diduduki mereka itu bakal menerima lanjutan tempoh pendudukan sehingga 60 tahun.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, kerajaan negeri beriltizam mengotakan segala janji dalam pilihan Raya Umum (PRU) lalu termasuk memberi jaminan bahawa penduduk di Site C Sekinchan akan dibela terutama perumahan yang masih diduduki sehingga kini.

Menurutnya, kawasan yang diduduki itu akan tamat tempoh lanjutan pendudukan dan kerajaan negeri berusaha untuk memastikan lanjutan seterusnya dapat diperoleh penduduk sebagai jaminan pada masa depan.

"Kita tak mahu rakyat bimbang kerana tempoh lanjutan ini akan berakhir dan kita akan memperbaharui semula perjanjian bagi memastikan kawasan ini terus diberi lanjutan pendudukan untuk jangka masa yang ditetapkan," katanya ketika ditemui pada Program Penyerahan Borang 5A di Balai Raya Jawatankuasa Kemajuan



**Suee Lim menyampaikan borang 5A kepada salah seorang penduduk di Balai Raya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Site C Sekinchan, di sini.**

dan Keselamatan Kampung (JKKK) Site C Sekinchan, di sini.

Suee Lim berkata, penduduk perlu membuat permohonan terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam sebelum proses kelulusan itu dibuat oleh kerajaan negeri.

Menurutnya, tempoh pendudukan itu akan berakhir pada tahun 2016 dan permohonan baharu perlu disertakan bagi menjamin mereka untuk terus menetap di kawasan itu yang

selama ini menjadi tempat berteduh dan mencari sumber rezeki.

"Kita memahami perasaan rakyat, sudah tentu kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang dipilih mereka dalam PRU lalu akan memastikan kebajikan mereka ini diberi tumpuan," katanya.

Beliau turut berharap pemberi lanjutan itu membolehkan generasi muda terus tinggal di kawasan itu dan turut serta membangunkan Sekinchan yang sememangnya terkenal dalam sektor pertanian dan pelancongan.